



## SLOT TEMUBUAL

### JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

#### TOPIK : LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA

---

#### DEFINISI PEMBAKARAN TERBUKA

Sebarang kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku di udara bebas dan tidak dihalakan melalui cerobong atau serombong kecuali aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri melalui Perintah yang disiarkan oleh Warta

#### AMARAN

- Di atas tanah gambut;
- Kawasan 30 km jejari di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur kecuali 5 aktiviti berikut:-
  - \* Pembakaran tanaman berpenyakit;
  - \* Pembakaran untuk aktiviti keagamaan/ penyembahan;
  - \* Pembakaran mayat;
  - \* Gril, barbeku (bukan di atas tanah gambut); dan
  - \* *Flaring*

#### KESALAHAN DAN DENDA

Seksyen 29(A)(2) atau 29B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

- Kompaun tidak melebihi RM 2,000.00 bagi setiap longgokan kebakaran;

- Denda tidak melebihi RM 500,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

## **PERANAN ORANG AWAM**

- Sampah sarap organik (seperti makanan) ditanam dan direputkan untuk dijadikan baja
- Pastikan api puntung rokok dipadamkan sebelum dibuang
- Sisa-sisa pertanian, cantasan pokok, ranting-ranting di ladang dan dikebun direputkan sebagai baja
- Reja-reja kayu di tapak pembinaan dijual atau diguna semula
- Amalkan kitar semula
- Laporkan kepada pihak berkuasa sekiranya ada berlaku pembakaran terbuka

## **KESAN-KESAN PEMBAKARAN TERBUKA**

- Udara menjadi kotor akibat bertambahnya kumin-kumin pepejal atau habuk, karbon dioksida dan lain-lain bahan pencemar
- Keadaan persekitaran berjerebu
- Jarak penglihatan berkurangan yang boleh membahayakan pengguna jalan raya, pesawat penerbangan dan kapal-kapal
- Gangguan kesihatan (lelah, *bronchitis*, alahan, radang paru-paru, sakit mata dan kulit) terutamanya kepada bayi, kanak-kanak, orang tua dan pesakit lelah
- Kemerosotan industri pelancongan yang memberi kesan kepada ekonomi dan pertukaran wang asing
- Gangguan kepada murid sekolah dan jika keadaan bertambah buruk, sekolah terpaksa ditutup
- Produktiviti pertanian berkurangan
- Kemusnahan hutan dan kepelbagaiannya biologi
- Gangguan aktiviti harian dan ekonomi

## **PETUNJUK KUALITI UDARA**

Indeks Pencemar Udara (IPU) adalah petunjuk kepada kualiti udara. IPU dikira berdasarkan paras purata 6 parameter seperti berikut:-

- Kumin-kumin pepejal bersaiz kurang daripada 2.5 mikron ( $PM_{2.5}$ )
- Kumin-kumin pepejal bersaiz kurang daripada 10 mikron ( $PM_{10}$ )
- Sulfur Dioksida ( $SO_2$ )
- Nitrogen Dioksida ( $NO_2$ )
- Ozon ( $O_3$ )
- Karbon Monoksida (CO)

## **IPU DAN KESAN KEPADA KESIHATAN**

<b>Nilai IPU</b>	<b>Petunjuk Kesan Kesihatan</b>	<b>PM<sub>2.5</sub> 24 jam (<math>\mu g/m^3</math>)</b>	<b>Tahap Amaran</b>
0 - 50	Baik	0 – 12	Tiada Amaran
51 – 100	Sederhana	12.1 – 75.4	Tiada Amaran
101 – 200	Tidak Sihat	75.5 – 150.4	Amaran Awal 1A, 1B atau 2
201 – 300	Sangat Tidak Sihat	150.4 – 250.4	Amaran 3A atau 3B
301 – 400	Sangat Tidak Sihat	250.4 – 350.4	Amaran Tegas
400 – 500	Sangat Bahaya	350.4 – 500.4	Kecemasan
> 500	Sangat Bahaya	> 500.4	Darurat Jerebu

## **TUGAS & PERANAN JABATAN ALAM SEKITAR**

### **Penguatkuasaan**

- Menjalankan penguatkuasaan dan mengeluarkan surat peringatan larangan melakukan pembakaran terbuka kepada semua pemaju sekitar kawasan tanah

gambut dan pemilik perlu mengambil langkah proaktif bagi langkah pencegahan/pemantauan/ pemadaman.

- Menyediakan jadual rondaan bagi Operasi Mencegah Pembakaran terbuka (OMPT) sepanjang tahun dan melakukakan siasatan bagi kes-kes pembakaran terbuka.

### **Pemantauan**

- Mengaktifkan pemantauan dengan menugaskan anggota RELA di Menara Tinjau untuk melaporkan dengan segera sebarang kes pembakaran terbuka
- Mengadakan kerjasama strategik dengan pemaju/ pemilik tanah sekitar kawasan tanah gambut yang turut membuat rondaan di kawasan berkepentingan dan mengambil tindakan awal pemadaman jika terdapat kes pembakaran terbuka dalam kawasan milikan mereka.
- Mengadakan kerjasama bersama ketua masyarakat setempat melalui Program Pemantau Pencemaran (3P)

### **Kesedaran**

- Mengedarkan risalah berkenaan larangan pembakaran terbuka
- Mengadakan pameran dan ceramah kepada pihak awam

## **INFRASTRUKTUR TANAH GAMBUT DI SARAWAK**

<b>INFRASTRUKTUR</b>	<b>BILANGAN</b>
Papan Tanda	42
Check Dam	25
Tube Well	14
Watch Tower	1

**AGENSI LAIN YANG TERLIBAT DALAM PENGUATKUASAAN LARANGAN  
PEMBAKARAN TERBUKA**

Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB)

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)